



Karya fotografi Stella yang menjuarai dalam pertandingan fotografi.

Bengkel Asas Fotografi Beri Pendedahan Kepada Pelajar

Oleh Syarifah Nur Atikah Syed Jamal

Kota Kinabalu, 9 Mei - Bengkel asas fotografi beri pendedahan kepada pelajar bagaimana untuk memahami penggunaan kamera dengan betul.

Selain itu, ia juga memupuk minat pelajar itu sendiri untuk dijadikan sebagai hobi mahupun karier di masa hadapan nanti.

“Bengkel asas fotografi ini dijalankan mempunyai beberapa objektif yang ingin dicapai iaitu memberi pendedahan kepada peserta yang baru dalam penggunaan fungsi kamera DSLR,” kata pengarah projek, Leong Chun Keong, pelajar tahun akhir dari jurusan Seni Visual.

Selain itu, bengkel ini juga memberi tips atau khidmat nasihat berkaitan dengan pengetahuan asas fotografi,” katanya lagi.

“Oleh itu, kami juga menganjurkan pertandingan fotografi kepada peserta yang mengambil bahagian dalam bengkel ini serta memberi sijil kepada para pemenang,” jelas Leong.

Pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar UMS terutamanya yang berminat mengikuti bengkel ini dan juga terbuka kepada peserta dari luar.

Tambahan lagi, mereka menjemput pengajar dari luar iaitu Cik Sofiah Omar yang berkemahiran tinggi dalam penggunaan kamera DSLR untuk memberi tips kepada peserta.

Dalam bengkel ini diajar penggunaan teknik foto potrait, dan teknik foto *scene* atau *candid*.

“Saya tahu bengkel asas fotografi ini melalui iklan yang dilekatkan di bangunan FKSJ dan saya tidak sabar ingin mengikutinya,” kata Stella pelajar tahun 1 dari jurusan komunikasi yang mengikuti bengkel asas fotografi ini.

Jelas Stella lagi, “Bengkel asas fotografi ini memberi pengalaman yang baru dalam hidup saya kerana saya dari dahulu amat mementingkan fotografi tetapi tidak berpeluang mengikuti mana-mana bengkel kamera,”

“Bengkel kamera di luar sangat mahal kalau hendak dibandingkan di sini dan saya juga tidak sangka saya menjadi johan dalam pertandingan bengkel ini,” kata Stella lagi.

Bengkel asas Fotografi ini telah dirasmikan oleh Ybhg. Dr. Madya Ismail Ali Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar Dan Alumni.

Bengkel asas fotografi dijalankan pada 9 dan 10 Mei 2015 bermula dari 8 pagi hingga 5 petang, bertempat di studio Bunyi Gitar di Fakulti Kemanusiaan Seni Dan Warisan,

Seramai 20 orang peserta menyertai bengkel ini dengan bayaran RM 20 sahaja. Program ini dijalankan oleh pelajar tahun akhir teknologi Seni Visual bagi melaksanakan projek akhir mereka.